

07 AUG 2002

Ali-Melaka

PINDAAN PERLEMBAGAAN BAGI SERAGAMKAN NAMA MELAKA

MELAKA, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Negeri sedang membuat kertas cadangan untuk menyeragamkan nama Melaka dalam semua bahasa bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pelancong luar negara yang ingin ke negeri itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata pada masa ini, ejaan Melaka digunakan untuk versi Bahasa Malaysia manakala 'Malacca' dalam Bahasa Inggeris bagi pelbagai urusan dan ini menimbulkan kekeliruan di kalangan pelancong.

Penasihat Undang-undang sedang menderaf cadangan itu supaya satu ejaan sahaja iaitu "Melaka" digunakan dalam semua bahasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata cadangan itu telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menurut Perdana Menteri ia tidak menjadi masalah.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir yang Singapura boleh menghentikan pembelian air dari Malaysia dengan serta merta, Mohd Ali yang menyokong kenyataan itu berkata kerajaan Melaka sendiri membeli air dari Johor pada harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air.

"Kalau Melaka boleh beli air dari Johor dengan harga sedemikian dan kita merupakan negeri berjiran dalam Malaysia, kenapa Singapura yang lebih maju tidak sanggup membeli air sekurang-kurangnya dengan harga yang sama dibeli oleh Melaka," katanya.

Menurut beliau, Singapura kini tidak lagi mempunyai alasan untuk menolak harga air yang lebih tinggi

Singapura membeli air dari Johor sebanyak tiga sen bagi setiap 1,000 gelen air sejak tahun 1927 lagi.

Dr Mahathir semalam berkata Singapura boleh menghentikan pembelian air dari Malaysia serta-merta tanpa perlu menunggu sehingga luput tempoh perjanjian pada tahun 2011 untuk berbuat demikian.

Bagi Perdana Menteri, keputusan republik itu untuk tidak memperbaharui Perjanjian Air 1961 tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada Malaysia dan tidak merugikan negara.

Dalam perkembangan lain, Ketua Menteri berkata kertas cadangan untuk menaiktaraf Melaka menjadi sebuah bandaraya telah dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan menunggu untuk dibawa ke Kabinet.

"Kita harap pengisytiharan Melaka sebagai sebuah bandaraya akan dapat dilakukan secepat mungkin dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Kementerian terbabit untuk menyegerakan perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

SBS PR